



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 22 Syaaban 1441 bersamaan 16 April 2020, Alhamdulillah, dengan izin dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang**.

2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal kepada 108 orang**.

3. Manakala, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah **seramai 27 kes**

di mana 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, seramai **76 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,407 orang**.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 247 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,826 ujian.
6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan dengan sukacita memaklumkan bahawa Alhamdulillah, seorang lagi daripada 11 kes yang telah sembah tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan, telah dibenarkan pulang pada hari ini. Beliau juga akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi, sebagaimana SOP yang ada pada masa sekarang. Ini

bermakna hanya 9 kes saja lagi yang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.

7. Berkaitan dengan arahan Kementerian Kesihatan yang wajib dipatuhi bagi semua orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan dengan ini ingin memaklumkan bahawa bermula 16 April 2020, kesemua pelawat asing yang tiba di Negara Brunei Darussalam adalah juga dikehendaki untuk menanggung sendiri kos ujian makmal COVID-19 iaitu sebanyak B\$1,000.00 bagi setiap seorang. Ini adalah disamping menanggung kos perbelanjaan bagi pengasingan diri selama tempoh 14 hari penuh seperti yang dimaklumkan sebelum ini.
8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Syaaban 1441H / 16 April 2020